

BAB 1

KAEDAH-KAEDAH AM

1.1 PEMATUHAN KEPADA AKTA

Pusat Penjelasan, para Pegawai, kakitangan dan ejennya hendaklah, pada setiap masa mematuhi Akta dan direktif yang sah yang diberikan di bawah peruntukan ini oleh pihak berkuasa yang relevan.

1.2 PEMANSUHAN ATAU PENGUBAHAN KAEDAH-KAEDAH

- (a) Apa-apa Kaedah boleh ditambah, dimansuhkan, atau dipinda oleh Pusat Penjelasan tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya apabila perlu, sebagaimana diberikan di bawah Akta. Apa-apa pemansuhan atau pindaan kepada Kaedah-kaedah boleh berkuat kuasa selagi terpakai kepada kontrak-kontrak berhubung dengan sesuatu Peserta Penjelasan pada masa pemansuhan atau pindaan sedemikian berkuat kuasa. Kaedah-kaedah tersebut mesti mengikat ke atas semua Peserta Penjelasan.
- (b) Selain subkaedah (a) di atas:
 - (i) Pusat Penjelasan boleh dari semasa ke semasa meminda, meluaskan atau memotong peruntukan mana-mana Prosedur Operasi dan pindaan, peluasan, atau pemotongan sedemikian boleh dibuat dengan penguatkuasaan serta-merta atau sebaliknya sebagaimana yang akan ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
 - (ii) Pusat Penjelasan mesti memberitahu Peserta Penjelasan akan apa-apa pindaan, pengecualian atau pemotongan yang dibuat kepada Kaedah-kaedah atau Prosedur Operasi dan tarikh kuat kuasanya.
 - (iii) Peserta Penjelasan mesti terikat dengan dan mematuhi pindaan, peluasan atau pemotongan sedemikian yang dibuat kepada Kaedah-kaedah dan Prosedur Operasi.
 - (iv) Prosedur Operasi mesti berkuat kuasa dan mengikat ke atas Peserta Penjelasan. Sekiranya berlaku apa-apa perselisihan antara Kaedah-kaedah dengan Prosedur Operasi, Kaedah-kaedah tersebut mesti terpakai melainkan ditentukan sebaliknya oleh Pusat Penjelasan.
 - (v) Pusat Penjelasan boleh, dari semasa ke semasa mengeluarkan direktif, perintah, arahan atau nota prosedur berhubung dengan semua atau mana-mana bahagian operasi, perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan dan perintah, arahan, atau nota prosedur sedemikian mesti mengikat ke atas Peserta Penjelasan atau satu atau lebih kategori Peserta Penjelasan. Peserta Penjelasan dikehendaki mematuhi direktif, perintah, arahan atau kaedah-kaedah prosedur sedemikian dalam cara yang sama dan ke tahap yang sama seolah-olah peruntukannya terkandung dalam Kaedah-kaedah.

1.3 KEISTIMEWAAN PENJELASAN

Keistimewaan Penjelasan mesti diperluas hanya kepada Peserta Penjelasan.

1.4 PERANAN DAN OBLIGASI PUSAT PENJELASAN

- (a) Pusat Penjelasan mesti menyediakan perkhidmatan yang termasuklah penjelasan dan penyelesaian transaksi Sekuriti yang dilaksanakan, atau tertakluk kepada Kaedah-kaedah Bursa dan Kaedah-kaedah Depositori, sekiranya berkaitan.
- (b) Sebagai pertimbangan akan peranan dan obligasi Pusat Penjelasan di bawah subkaedah (a) Pusat Penjelasan mesti mengenakan fi penjelasan pada kadar yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dan diluluskan oleh Suruhanjaya, dari semasa ke semasa. Pusat Penjelasan mesti memberitahu semua Peserta Penjelasan akan perubahan kadar fi penjelasan tersebut dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya selama empat belas (14) hari.
- (c) Tanpa mengambil kira subkaedah (b), Peserta Penjelasan mesti membayar sama ada secara tahunan atau sebaliknya fi, caj, perbelanjaan dan pembayaran sedemikian yang berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pusat Penjelasan atau sebagaimana yang ditetapkan di bawah Prosedur Operasi, yang kena dibayar pada masa sedemikian dan dalam cara sebagaimana yang akan ditentukan oleh Pusat Penjelasan.

1.5 TANGGUNG RUGI OLEH PESERTA PENJELASAN

Setiap Peserta Penjelasan mesti menanggung rugi Pusat Penjelasan, ejen, wakil, pengarah, pegawai dan kakitangannya dan melindungi mereka daripada semua kos, fi, perbelanjaan, liabiliti, cukai, pentaksiran, kerugian dan ganti rugi yang apa jua sifatnya yang ditanggung atau dialami oleh mereka secara langsung atau tak langsung disebabkan oleh atau berkaitan dengan perkara yang berikut:

- (a) penyertaan dalam mana-mana perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan oleh Peserta Penjelasan atau aktiviti Peserta Penjelasan dalam apa-apa perkhidmatan atau kemudahan dan semua perkara berhubung dengannya sebagaimana yang dipertimbangkan dalam Kaedah-kaedah;
- (b) kegagalan oleh Peserta Penjelasan untuk mematuhi peruntukan Kaedah-kaedah, Prosedur Operasi dan apa-apa Perjanjian (termasuk tanpa had, representasi dan waranti yang terkandung dalamnya) atau untuk mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan ke atas Peserta Penjelasan atau untuk mematuhi apa-apa direktif atau peraturan Pusat Penjelasan;
- (c) tindakan dan/atau peninggalan tindakan oleh Pusat Penjelasan, ejen, penama, kakitangan, pengarah, pegawai dan wakilnya yang bergantung pada apa-apa arahan atau komunikasi yang dipercayai secara suci hati oleh mana-mana mereka telah diberikan oleh atau bagi pihak Peserta Penjelasan, atau kegagalan Peserta Penjelasan untuk memberikan arahan kepada Pusat Penjelasan sebagaimana dipertimbangkan dalam Kaedah-kaedah.

1.6 LARANGAN PENGGUNAAN TIDAK PATUT AKAN MAKLUMAT

- (a) Mana-mana pegawai, kakitangan atau ejen Pusat Penjelasan atau orang yang atau yang berhubungan dengan urus niaga dalam Sekuriti sebuah Syarikat, mempunyai apa-apa maklumat yang jika diketahui umum mungkin semunasabahnya dijangkakan akan menjejaskan secara material harga hal perkara urus niaga di Bursa dan yang:
 - (i) dipegangnya melalui kapasiti rasmi atau kapasiti rasmi sebelumnya;
 - (ii) adalah munasabah untuk menjangkakan seseorang dalam kapasiti rasminya atau kapasiti rasmi sebelumnya tidak akan mendedahkan melainkan untuk pelaksanaan sepatutnya fungsi yang berkaitan dengan kapasiti rasmi itu; dan

- (iii) diketahuinya ialah maklumat sensitif-harga yang tidak disiarkan berkaitan dengan Sekuriti Syarikat,

tidak boleh membuat penggunaan tidak sepatutnya akan maklumat itu untuk mendapatkan, secara langsung atau tak langsung, manfaat bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain.

- (b) Apabila mana-mana satu orang yang ditentukan di bawah subseksyen (a) gagal mematuhi, mentaati atau menerapkan Kaedah ini ("orang yang ingkar"), Pusat Penjelasan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan sesuai terhadap orang yang ingkar menurut Kaedah-kaedah tersebut.

1.7 IMUNITI

Tidak ada liabiliti yang akan ditanggung oleh Pusat Penjelasan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Pusat Penjelasan berkaitan dengan apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati dalam pelaksanaan atau pelaksanaan yang dimaksudkan akan tugasnya.

1.8 KETAKSAHAN SEPARA

Jika pada bila-bila masa, mana-mana peruntukan Kaedah-kaedah menyalahi undang-undang, menjadi tidak sah atau tidak boleh diterima pakai dalam apa-apa perkara, kesahihan, kesahan atau kebolehuatkuasaan peruntukan yang selebihnya tidak akan dalam apa-apa jua cara dipengaruhi atau terjejas kerananya.

1.9 UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA YANG MENGAWAL

Pentafsiran, pembentukan dan pengendalian Kaedah-kaedah ini serta hak dan obligasi Pusat Penjelasan dan Peserta Penjelasan masing-masing mesti ditentukan di bawah undang-undang Malaysia dan setiap Peserta Penjelasan bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa mahkamah di Malaysia.

1.10 PROSEDUR OPERASI

Pusat Penjelasan mesti, menurut Kaedah-kaedah, menetapkan dari semasa ke semasa prosedur dan peraturan lain berkaitan dengan mana-mana perkhidmatan atau kemudahannya. Setiap Peserta Penjelasan mesti terikat dengan prosedur dan peraturan sedemikian dan apa-apa pindaan padanya.

1.11 HAK DAN KEPENTINGAN PIHAK KETIGA TIDAK DIIKTIRAF

Pusat Penjelasan tidak mengiktiraf, berhubung dengan apa-apa perkhidmatan atau kemudahannya dan dalam urus niaganya, mana-mana pihak atau hak dan/atau kepentingan mana-mana pihak selain daripada Peserta Penjelasaannya. Setiap transaksi yang hendak dijelaskan atau diselesaikan atau dijelaskan dan diselesaikan oleh Pusat Penjelasan bagi Peserta Penjelasan mesti menurut Kaedah-kaedah ini.

1.12 PUSAT PENJELASAN MENTAFSIR KAEDAH-KAEDAH

Tertakluk kepada apa-apa undang-undang dan melainkan ditetapkan sebaliknya dengan jelas, semua isu berkaitan dengan pentafsiran atau penggunaan atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kaedah-kaedah, termasuk tanpa had, apa-apa Prosedur Operasi, direktif, perintah, arahan atau nota amalan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan, mesti ditentukan oleh Pusat Penjelasan, yang keputusannya adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Peserta Penjelasan.

1.13 KUASA MENGETEPIKAN ATAU MENGUBAH SUAI PEMATUHAN KEPADA KAEDAH-KAEDAH

- (a) Pusat Penjelasan boleh, pada bila-bila masa, mengetepikan atau mengubah suai pematuhan kepada suatu Kaedah atau bahagian daripada Kaedah.
- (b) Jika Pusat Penjelasan mengetepikan atau mengubah suai pematuhan kepada suatu Kaedah atau bahagian daripada Kaedah tertakluk pada satu syarat atau syarat-syarat, syarat atau syarat-syarat sedemikian mestilah dipatuhi agar pengetepian atau ubah suaian pematuhan efektif.

1.14 PERKHIDMATAN BAHARU DAN TAMBAHAN

Pusat Penjelasan boleh, dari semasa ke semasa menawarkan kepada Peserta Penjelasan perkhidmatan baharu atau tambahan, dan Peserta Penjelasan boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan baharu atau tambahan tersebut, tertakluk pada pematuhan dan pemerhatian apa-apa Kaedah atau Prosedur Operasi yang berkaitan dengannya, dan keperluan dan syarat lain yang boleh ditetapkan atau dikenakan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa ke atas Peserta Penjelasan.

1.15 PENGGANTUNGAN PERKHIDMATAN

- (a) Jika pada pendapat Pusat Penjelasan, mana-mana operasi, perkhidmatan atau kemudahannya yang disediakan kepada Peserta Penjelasan adalah atau berkemungkinan dihalang oleh apa-apa kejadian atau keadaan, Pusat Penjelasan boleh menggantung keseluruhan atau mana-mana bahagian operasi, perkhidmatan atau kemudahan sedemikian, mengikut mana-mana yang berkaitan, yang disediakan untuk Peserta Penjelasan bagi tempoh sedemikian sebagaimana yang dirasakan perlu.
- (b) Tambahan kepada atau sebagai alternatif kepada penggantungan, Pusat Penjelasan boleh mengambil tindakan sedemikian yang lain sebagaimana yang difikirkan perlu atau sesuai dalam keadaan tersebut demi kepentingan Peserta Penjelasan.
- (c) Pusat Penjelasan mesti memberitahu Peserta Penjelasan, Bursa dan Suruhanjaya secepat yang dapat dilaksanakan apabila suatu keputusan dibuat untuk menggantung apa-apa operasi, perkhidmatan atau kemudahan dan boleh juga memberikan maklumat bagi mana-mana tindakan lain yang dicadangkan, yang hendak diambil.

1.16 PEMBETULAN KESILAPAN DAN PENINGGALAN

- (a) Pusat Penjelasan berhak membetulkan apa-apa kesilapan yang dibuat dalam penyediaan mana-mana perkhidmatan, kemudahan atau operasinya, termasuklah, tanpa had untuk membetulkan apa-apa arahan yang tersilap kepada Depositori Pusat untuk mendebit atau mengkredit akaun sekuriti Peserta Penjelasan yang ditentukan, apa-apa arahan yang

tersilap kepada bank penjelasan untuk melaksanakan pembayaran atau untuk menerima pembayaran daripada Peserta Penjelasan dan apa-apa pernyataan atau laporan tersilap yang dikeluarkan kepada Peserta Penjelasan oleh Pusat Penjelasan.

- (b) Tanpa menjejaskan apa-apa hak lain yang mungkin dimiliki oleh Pusat Penjelasan, jika Pusat Penjelasan telah mengeluarkan suatu arahan yang tersilap untuk mengkredit sekuriti ke dalam akaun sekuriti Peserta Penjelasan yang ditentukan, Pusat Penjelasan mesti menghendaki Peserta Penjelasan itu untuk mengembalikan Sekuriti yang tersilap dikreditkan dengan serta-merta atau dalam tempoh sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan. Berhubung dengan perkara ini, dan tanpa menjejaskan apa-apa hak yang mungkin dimiliki oleh Pusat Penjelasan, jika, hasil apa-apa pembetulan oleh Pusat Penjelasan akan apa-apa kesilapan kredit ke dalam akaun sekuriti Peserta Penjelasan yang ditentukan menurut Kaedah ini, terdapat Sekuriti yang tidak mencukupi atau tiada Sekuriti dalam akaun sekuriti Peserta Penjelasan yang ditentukan untuk membolehkan kesilapan kredit tersebut dibetulkan, Pusat Penjelasan boleh menghendaki Peserta Penjelasan yang relevan untuk menggantikan jumlah Sekuriti yang relevan. Dalam hal ini, Pusat Penjelasan boleh menghendaki Peserta Penjelasan yang relevan untuk memberikan kepada Pusat Penjelasan dengan serta-merta jumlah tunai dalam jumlah sedemikian sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan sebagai kolateral. Satu-satunya obligasi Pusat Penjelasan berkaitan dengan apa-apa dana sedemikian yang dibayar kepada Pusat Penjelasan adalah untuk mengembalikan kepada Peserta Penjelasan yang relevan suatu jumlah yang setara dengan jumlah tunai yang dibayar kepada Pusat Penjelasan sebagai kolateral sementara menunggu Sekuriti yang relevan tersebut dikembalikan. Jika Sekuriti yang relevan tidak dikembalikan oleh Peserta Penjelasan dengan serta-merta atau dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan, Pusat Penjelasan boleh dengan sendiri membeli Sekuriti penggantian bagi pihak Peserta Penjelasan yang relevan dan kos dan perbelanjaan bagi pembelian sedemikian mesti ditanggung oleh Peserta Penjelasan yang tersebut.
- (c) Pusat Penjelasan mesti memberitahu Peserta Penjelasan yang relevan yang terbabit berkaitan dengan pembelian sedemikian, yang pembelianya mesti dilaksanakan pada harga pasaran semasa dan menurut terma yang tersedia (tetapi dengan mengambil kira bahawa Pusat Penjelasan mungkin perlu bertindak dengan segera dan Pusat Penjelasan mesti tidak mempunyai liabiliti terhadap Peserta Penjelasan jika bertindak dengan suci hati dalam melaksanakan pembelian).
- (d) Setiap Peserta Penjelasan mengaku janji untuk menanggung rugi Pusat Penjelasan terhadap semua kos, perbelanjaan, fi, liabiliti, cukai, kerugian dan ganti rugi dalam apa-apa jua sifatnya yang ditanggung oleh Pusat Penjelasan secara langsung atau tak langsung disebabkan oleh atau berkaitan dengan pembelian Sekuriti penggantian oleh Pusat Penjelasan bagi pihak Peserta Penjelasan.
- (e) Tanpa menjejaskan apa-apa hak lain yang mungkin dimiliki oleh Pusat Penjelasan, jika Pusat Penjelasan telah mengeluarkan suatu arahan yang tersilap untuk mengkredit dana ke dalam akaun bank Peserta Penjelasan, Pusat Penjelasan hendaklah menghendaki Peserta Penjelasan mengembalikan dana yang tersilap dikreditkan dengan serta-merta atau dalam tempoh sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan. Berhubung dengan ini, dan tanpa menjejaskan apa-apa hak lain yang mungkin dimiliki oleh Pusat Penjelasan, jika, Peserta Penjelasan gagal mengembalikan dana tersebut dengan serta-merta atau dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan, Peserta Penjelasan akan dikehendaki membayar kepada Pusat Penjelasan, faedah ke atas jumlah yang tersebut pada kadar pinjaman asas semasa bank penjelasan Pusat Penjelasan yang melaksanakan pengkreditan dana bagi arahan yang tersilap tersebut.
- (f) Pusat Penjelasan tidak akan mempunyai liabiliti terhadap Peserta Penjelasan jika Peserta Penjelasan tersebut mengalami apa-apa kerugian disebabkan apa-apa arahan, pernyataan atau laporan yang tersilap yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan disebabkan apa-apa pemprosesan bagi atau kebergantungan terhadap apa-apa arahan, laporan atau pernyataan

yang tersilap yang dikeluarkan kepada Peserta Penjelasan berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan, kemudahan atau operasi yang disediakan oleh Pusat Penjelasan atau berkaitan dengan apa-apa pembedaan bagi apa-apa laporan atau pernyataan yang tersilap yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan.

- (g) Sekiranya Pusat Penjelasan membuat kiraan yang tersilap bagi apa-apa penyelesaian dana yang hendak dibuat oleh Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan berkaitan dengan penyelesaian apa-apa Kontrak Pasaran atau Transaksi ISS, apa-apa pembayaran tunai berkaitan dengan fi dan caj atau apa-apa pembayaran lain yang kena dibayar oleh atau kepada Peserta Penjelasan, yang menyebabkan Pusat Penjelasan terlebih dibayar atau Peserta Penjelasan terkurang dibayar, mengikut mana-mana yang berkaitan, Pusat Penjelasan mesti, secepat yang dapat dilaksanakan, membayar atau membayar balik jumlah sedemikian yang perlu dibayar kepada Peserta Penjelasan, yang disebabkan oleh kurang pembayaran oleh Pusat Penjelasan atau terlebih pembayaran kepada Pusat Penjelasan, mengikut mana-mana yang berkaitan.

1.17 TANGGUNGJAWAB UNTUK BERTINDAK DENGAN SUCI HATI

Pusat Penjelasan mengaku janji untuk melaksanakan hanya tanggungjawab dan obligasi sebagaimana yang ditetapkan dengan jelas dalam Kaedah-kaedah dan Perjanjian, mana-mana yang terpakai. Untuk mengelakkan keraguan dan mengakui bahawa Kaedah-kaedah dan Prosedur Operasi tidak membentuk kontrak *uberrimae fides*, Pusat Penjelasan mesti bertindak dengan suci hati berkaitan dengan semua perkara dan hal yang hendak dijalankan atau dilaksanakan oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah ini berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan untuk Peserta Penjelasan atau operasinya.

1.18 LIABILITI BAGI KECUAIAN, SALAH LAKU SENGAJA ATAU FRAUD

Melainkan ditetapkan sebaliknya dalam Kaedah-kaedah, sekiranya tidak berlaku kecuaiian, salah laku sengaja atau fraud di pihak Pusat Penjelasan, Pusat Penjelasan mesti tidak dipertanggungjawabkan terhadap mana-mana Peserta Penjelasan atau terhadap mana-mana orang lain berkaitan dengan apa-apa tindakan atau peninggalan oleh Pusat Penjelasan berkaitan dengan penyediaan apa-apa perkhidmatan kepada Peserta Penjelasan atau operasi dan kemudahannya yang disediakan di bawah peruntukan ini dan semua perkara lain yang diniatkan di bawah Kaedah-kaedah ini.

1.19 FORCE MAJEURE

Pusat Penjelasan tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap:

- (a) apa-apa tindakan yang diambil atau bagi apa-apa kegagalan, halangan atau kelewatan dalam penyediaan perkhidmatan atau bagi apa-apa kegagalan untuk memberikan kesan atau kelewatan memberikan kesan terhadap apa-apa arahan daripada Peserta Penjelasan berkaitan dengan perkhidmatan penjelasan dan penyelesaiannya, ISS atau perkhidmatan dan kemudahan lain atau pelaksanaannya secara keseluruhan atau sebahagiannya akan obligasinya di bawah Kaedah-kaedah atau di bawah Kontrak Pasaran atau Transaksi ISS jika kegagalan, halangan atau kelewatan yang timbul adalah disebabkan oleh sesuatu yang di luar kawalan Pusat Penjelasan; dan
- (b) pihak berkuasa ketenteraan, embargo, kebakaran, banjir, letupan, kemalangan, pertikaian pekerja, kelumpuhan mekanikal, kepincangan komputer atau sistem, kerosakan komputer atau perisian komputer, gangguan bekalan kuasa atau utiliti atau perkhidmatan lain, apa-apa undang-undang, dekri, peraturan atau perintah kerajaan atau mahkamah, dan apa-apa sebab lain yang di luar kawalan Pusat Penjelasan, termasuk tanpa had bagi yang

sebelumnya, apa-apa penyebab yang sama yang menjejaskan Bursa atau Depositori Pusat (sama ada atau tidak ditetapkan dalam peraturan mereka).

1.20 PUSAT PENJELASAN TIDAK DIPERTANGGUNGJAWABKAN

Melainkan dinyatakan sebaliknya dengan jelas dalam Kaedah-kaedah, Pusat Penjelasan tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap:

- (a) kegagalan Peserta Penjelasan untuk mematuhi atau memerhati Kaedah-kaedah dan Prosedur Operasi;
- (b) apa-apa tindakan yang dipertimbangkan atau dibenarkan di bawah Kaedah-kaedah;
- (c) insolvensi atau tindakan atau peninggalan oleh Depositori Pusat;
- (d) insolvensi atau tindakan atau peninggalan oleh Bursa;
- (e) insolvensi atau tindakan atau peninggalan oleh bank penjelasan Pusat Penjelasan;
- (f) ketidakupayaan Pusat Penjelasan untuk melaksanakan fungsinya disebabkan ketaksahan atau pembatalan apa-apa insurans atau jaminan, dengan syarat pelaksanaan insurans atau jaminan sedemikian dan pemilihan penginsurans oleh Pusat Penjelasan tidak boleh tidak wajar pada masa pemilihan.

1.21 OBLIGASI BERTERUSAN PESERTA PENJELASAN

Melainkan jika diketepikan selainnya oleh Pusat Penjelasan, suatu Peserta Penjelasan mesti terus mematuhi apa-apa syarat penerimaan masuk yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan dan syarat selanjutnya yang sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa.

1.22 JAMINAN SELANJUTNYA

Pusat Penjelasan mesti berhak dari semasa ke semasa untuk mengkehendaki suatu Peserta Penjelasan untuk memberikan jaminan apabila diminta dalam bentuk sedemikian, sehingga ke tahap dan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan sebagai sesuai dengan merujuk, *inter alia*, aras pendedahan Peserta Penjelasan sedemikian kepada Pusat Penjelasan dan/atau perkara lain yang seumpamanya sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan.

1.23 PENYATA DAN LAPORAN

- (a) Pusat Penjelasan mesti memberikan kepada Peserta Penjelasan nasihat, pernyataan dan laporan pada masa dan dalam cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.
- (b) Menjadi tanggungjawab Peserta Penjelasan untuk memeriksa dengan segera dan menyesuaikan Rekodnya sendiri dengan butiran nasihat, penyata dan laporan sedemikian dan untuk memberitahu Pusat Penjelasan dengan segera secara bertulis akan apa-apa kesilapan atau peninggalan yang tersilap, dalam apa-apa jua keadaan dalam tempoh satu hari perniagaan dari tarikh penerimaan nasihat, laporan atau pernyataan tersebut. Pusat Penjelasan berhak untuk membetulkan kesilapan atau peninggalan itu pada bila-bila masa.
- (c) Apa-apa nasihat, pernyataan atau laporan yang disediakan oleh Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan mesti, sekiranya tidak menunjukkan apa-apa kesilapan nyata, (dalam apa-apa jua keadaan selepas satu Hari Pasaran selepas ketersediaan laporan, nasihat atau pernyataan tersebut) adalah muktamad tentang hal perkaranya.

- (d) Melainkan jika ditetapkan selainnya, kegagalan Peserta Penjelasan untuk memberitahu Pusat Penjelasan akan apa-apa kesilapan atau peninggalan berkaitan dengan apa-apa nasihat, pernyataan atau laporan dengan segera (atau dalam masa satu Hari Pasaran akan ketersediaannya) mesti, tertakluk pada Kaedah-kaedah, membentuk penepian yang memihak kepada Pusat Penjelasan oleh Peserta Penjelasan sedemikian bagi apa-apa hak, tuntutan atau ganti rugi atau kerugian atau apa-apa hak untuk menuntut pembetulan.

1.24 BIRO PERKHIDMATAN

- (a) Pusat Penjelasan boleh, atas budi bicaranya menubuhkan satu biro perkhidmatan dan menyediakan untuk Peserta Penjelasan terminal komputer dan kemudahan lain bagi membolehkan masukan arahan dan komunikasi kepada Pusat Penjelasan dan akses kepada pernyataan, laporan dan nasihat yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan berhubung dengan apa-apa perkhidmatan yang disediakan untuk Peserta Penjelasan.
- (b) Skop dan cara kemudahan sedemikian diberikan adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan dari semasa ke semasa dan diberitahu di bawah peruntukan ini kepada Peserta Penjelasan. Pusat Penjelasan boleh mengenakan sekatan berkaitan dengan penggunaan kemudahan sedemikian kepada kategori Peserta Penjelasan yang berbeza.

1.25 PENDEDAHAN MAKLUMAT

- (a) Pusat Penjelasan mesti mempunyai kuasa untuk mendedahkan butiran apa-apa maklumat berkenaan suatu Peserta yang dimilikinya, jika dikehendaki berbuat demikian di bawah apa-apa undang-undang terpakai, dekri, peraturan atau apa-apa perintah kerajaan, atau perintah mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa berwibawa yang lain.
- (b) Pusat Penjelasan boleh mendedahkan maklumat pada bila-bila masa kepada Bursa, Suruhanjaya, atau mana-mana pihak berkuasa yang berwibawa, yang kepadanya suatu Peserta tertakluk atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan, berhubung dengan atau berkenaan Peserta dan/atau aktiviti dalam mana-mana perkhidmatan Pusat Penjelasan atau perkhidmatan atau kemudahan yang disediakan untuk Peserta jika Bursa, Suruhanjaya, atau mana-mana pihak berkuasa yang berwibawa atau orang lain meminta apa-apa maklumat sedemikian. Pusat Penjelasan boleh mendedahkan maklumat berhubung dengan apa-apa perkhidmatan atau kemudahannya yang disediakan untuk Peserta termasuk maklumat yang berhubung dengan mana-mana Peserta dan/atau aktiviti mereka dalam apa-apa perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan, kepada Bursa, Suruhanjaya, atau pihak berkuasa yang berwibawa atau kepada mana-mana pihak lain yang dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan, jika Pusat Penjelasan menganggap pendedahan sedemikian adalah untuk kepentingan umum Pusat Penjelasan atau Pesertanya.
- (c) Pusat Penjelasan boleh mendedahkan apa-apa tindakan yang diambil oleh Pusat Penjelasan terhadap suatu Peserta di bawah Kaedah-kaedah ini kepada pihak awam atau mana-mana orang lain dalam apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan patut atau suai manfaat oleh Pusat Penjelasan.

1.25A TINDAKAN TAMBAHAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH PUSAT PENJELASAN BERIKUTAN SUATU PEMERIKSAAN ATAU PENYIASATAN

Berikutan suatu dapatan daripada apa-apa pemeriksaan atau penyiasatan ke atas suatu Peserta Penjelasan, Pusat Penjelasan boleh menghendaki Peserta Penjelasan untuk mengambil tindakan yang sesuai terhadap mana-mana pekerja atau ejennya jika orang sedemikian menyebabkan Peserta Penjelasan melanggar Kaedah-kaedah ini.

1.26 KUASA SAMPINGAN DAN SEBAGAINYA BAGI PUSAT PENJELASAN

Sekiranya mana-mana peruntukan Kaedah-kaedah ini memberikan kuasa, membenarkan atau membolehkan Pusat Penjelasan melakukan atau menguatkuasakan pelaksanaan apa-apa tindakan atau perkara, Pusat Penjelasan mempunyai semua kuasa atau hak sedemikian sebagaimana yang perlu atau sampingan yang wajar untuk Pusat Penjelasan melakukan atau menguatkuasakan pelaksanaan tindakan atau perkara itu.

1.27 KUASA SYARIKAT PEMEGANGAN BURSA

- (a) Jika mana-mana peruntukan Kaedah-kaedah ini memberikan hak atau kuasa kepada Pusat Penjelasan untuk melakukan apa-apa tindakan atau perkara, peruntukan sedemikian akan disifatkan telah memberikan hak atau kuasa kepada Syarikat Pemegangan Bursa untuk melakukan tindakan atau perkara sedemikian bagi pihak Pusat Penjelasan.
- (b) Peserta Penjelasan mesti mematuhi, memerhati atau memberikan kesan terhadap apa-apa tindakan Syarikat Pemegangan Bursa menurut subkaedah (a) di atas.

1.28 RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN PUSAT PENJELASAN

- (1) Apa-apa keputusan Pusat Penjelasan adalah muktamad dan mengikat dan seseorang hanya boleh membuat rayuan terhadap apa-apa tindakan atau keputusan yang diambil atau dibuat oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah ini jika hak untuk merayu tersebut diperuntukkan secara nyatanya di bawah peruntukan-peruntukan yang relevan dalam Kaedah-kaedah ini.
- (2) Keputusan Pusat Penjelasan terhadap rayuan adalah muktamad dan mengikat ke atas orang yang membuat rayuan.

1.29 NOTIS DATA PERIBADI

- (1) Mana-mana orang yang memberikan atau telah memberikan data peribadi kepada Pusat Penjelasan atau Syarikat Pemegangan Bursa menurut atau berhubung dengan Kaedah-kaedah ini mesti membaca dan menyedari akan pemberitahuan relevan berhubung dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA") yang tersedia di laman web Syarikat Pemegangan Bursa di www.bursamalaysia.com ("Notis Data Peribadi").
- (2) Sekiranya data peribadi yang diberikan ialah data individu lain ("subjek data"), orang yang memberikan data tersebut mestilah telah memberitahu subjek data secara bertulis akan Notis Data Peribadi sebelum memberikan data peribadi itu kecuali jika:
 - (a) seksyen 41 PDPA terpakai; atau
 - (b) Pusat Penjelasan menetapkan sebaliknya berkaitan dengan PDPA.
- (3) Untuk tujuan Kaedah 1.29, "data peribadi" mesti mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam seksyen 4 PDPA.

1.30 [Dipotong]

1.31 PESERTA MELIBATKAN ORANG LAIN

Seorang Peserta bertanggungjawab terhadap Pusat Penjelasan bagi semua tindakan atau peninggalan tindakan oleh pemilik, prinsipal, pengarah, pegawai, pekerja, pelatih, ejen, penyedia perkhidmatan dan subkontraktornya.

1.32 PERUJUKAN KELAKUAN KEPADA PIHAK BERKUASA LAIN

Pusat Penjelasan boleh, pada bila-bila masa, merujukkan kelakuan mana-mana Peserta kepada pihak berkuasa yang relevan, tanpa memberikan notis kepada orang sedemikian.

1.33 PELANTIKAN JAWATANKUASA, JAWATANKUASA KECIL ATAU PEGAWAI

Pusat Penjelasan boleh melantik suatu jawatankuasa, jawatankuasa kecil atau pegawai Pusat Penjelasan atau Syarikat Pemegang Bursa atau suatu ejen untuk melaksanakan kuasa Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah ini, sekiranya sesuai.

1.34 KERAHSIAAN

- (1) Jika suatu dapatan atau hasil bagi mana-mana pemeriksaan atau penyiasatan, atau testimoni atau dokumentasi berkaitan dengan prosiding disiplin atau rayuan di bawah Kaedah-kaedah ini didedahkan kepada suatu Peserta atau pekerja atau ejennya, Peserta mesti memastikan kerahsiaan dapatan dan hasil daripada pemeriksaan atau penyiasatan, atau testimoni atau dokumentasi sedemikian berkaitan dengan prosiding disiplin atau rayuan dan mestilah tidak mendedahkan dapatan atau hasil tersebut kepada mana-mana orang kecuali:
 - (a) Suruhanjaya, mana-mana pegawai Suruhanjaya yang dibenarkan atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau agensi yang menyiasat; atau
 - (b) sekiranya perlu, untuk mendapatkan nasihat perundangan atau pakar berkaitan dengan pemeriksaan, penyiasatan, prosiding disiplin atau rayuan, dengan syarat bahawa pendedahan adalah terhad kepada orang yang relevan dan kerahsiaan paling ketat diamalkan.
- (2) Pusat Penjelasan boleh mendedahkan dapatan dan hasil apa-apa pemeriksaan atau penyiasatan, atau testimoni atau dokumentasi berkaitan dengan prosiding disiplin atau rayuan kepada Suruhanjaya, Bursa atau mana-mana badan atau pihak berkuasa relevan yang lain (di Malaysia atau di luar Malaysia) sebagaimana yang dianggap patut oleh Pusat Penjelasan, atau kepada pihak lain sebagaimana yang dianggap patut oleh Pusat Penjelasan untuk tujuan penyiasatan, penguatkuasaan atau kedua-duanya oleh Pusat Penjelasan.